

Kestabilan politik penting untuk pengukuhan ringgit

Kemelut politik negara baru-baru ini turut menimbulkan sedikit keresahan terhadap kedudukan ekonomi negara.

Kadar pertukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menunjukkan kesan kejatuhan.

Ringgit mengalami susut nilai 3.3 peratus, iaitu berubah daripada 4.19 kepada 4.22 per dolar AS. Ini merekodkan kemerosotan nilai mata wang tempatan, menjadikan kos dan harga barangan atau input dari luar negara menjadi lebih mahal.

Apakah penjelasan di sebalik fenomena ini? Jika dilihat, ketidakstabilan ini pastinya memberikan kesan terhadap pelabur kerana keadaan ini tidak menyajikan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Sudah pasti, pelabur menjadikan krisis kepemimpinan negara ini sebagai asas untuk menilai kembali keputusan pelaburan dibuat.

buran dibuat.

Terkesan dengan keadaan ini, ada dalam kalangan pelabur yang mengambil sikap berhati-hati dengan 'tunggu dan lihat' sebelum membuat atau meneruskan momentum pelaburan.

Bagi pelabur yang bimbang risiko bakal dihadapi susulan ketidakpastian ini, maka mereka akan mengalihkan pelaburan ke tempat atau negara lain.

Dalam erti kata lain, semasa negara dalam keadaan krisis politik, pelabur lebih memilih untuk tidak berurusan dengan kita.

Proses ini secara tidak langsung memperlihatkan bagaimana pelabur akan mencairkan aset mereka sebelum membawa keluar ke negara lain.

Ini bukan sahaja merugikan negara dari segi nilai pelaburan yang hilang, bahkan negara juga akan merasai kesan kejatuhan kadar pertukaran mata wang asing.

Apabila sejumlah pelaburan dialirkan keluar negara, maka melalui mekanisme pasaran nilai mata wang negara, ringgit akan mengalami penguncupan nilai.

Ringgit tidak lagi digunakan untuk urusan pelaburan atau sebarang bentuk aktiviti perniagaan. Ini mewujudkan lebih ringgit di pasaran pertukaran asing.

Ini bermakna jumlah penawaran ringgit didagangkan melebihi jumlah permintaan. Justeru, ringgit akan melalui proses susut

nilai berbanding mata wang utama dunia seperti dolar AS.

Dalam erti kata lain, semasa negara dalam keadaan krisis politik, pelabur lebih memilih untuk tidak berurusan dengan kita.

Sebaliknya, mereka akan mengalihkan dan meneruskan aktiviti pelaburan dan perniagaan ke negara yang mempunyai sistem politik lebih stabil yang dapat memberikan lebih peluang dalam meraih keuntungan.

Kemampuan ekonomi negara adalah dirangsang oleh keutuhan keadaan politik semasa. Apabila terdapat sesuatu keadaan atau krisis kepemimpinan sesebuah negara, maka akan mengundang pelbagai reaksi, termasuk ketidakstabilan dalam pasaran.

Dr Mohd Naseem Niaz Ahmad,
Pensyarah kanan Sekolah
Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia